

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/12/2018

Malaysia Negara Membaca menjelang 2030

BH - 14/12/2018 M/S: 8

Putrajaya: Kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030, kata Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Beliau berkata, kementerian berhasrat untuk menjadikan tempoh masa 10 tahun iaitu dari tahun 2021 sehingga 2030 sebagai Dekad Membaca Kebangsaan.

Katanya, kempen yang akan dilancarkan tahun depan itu bertujuan membentuk masyarakat ilmu bertaraf dunia dengan fokus membaca untuk pengetahuan dan kebudayaan

amalan membaca.

“Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif untuk menyemarakkan program gerakan membaca yang sudah berlangsung sejak dua dekad lalu memandangkan kempen itu masih belum mencapai tahap yang memuaskan serta pembabitan penggiat literasi masih tidak menyeluruh.

“Jadi kita, perlu merangka dan satu pendekatan baharu yang lebih mantap serta agresif bagi menarik lebih ramai masyarakat untuk mencintai dunia pembacaan dan membugarkan

pembudayaan membaca,” katanya ketika prapelancaran Dekad Membaca Kebangsaan di sini, semalam.

Tingkat budaya membaca

Maszlee berkata, kempen itu dilihat mampu memperkukuh dan meningkatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat serta merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbudaya membaca.

Menurutnya, kajian *The World's Most Literate Nation* pada 2016 meletakkan Malaysia

pada kedudukan ke-53, jauh di belakang negara jiran Singapura yang berada di tangga ke-36.

Beliau berkata, kerajaan juga sedang dalam perancangan untuk menyasarkan penerbitan negara mencapai 31,700 judul setahun menjelang 2020, berbanding 19,713 judul pada tahun 2017, katanya.

Mengenai slogan #MALAYSIA MEMBACA, Maszlee berkata, ia dipilih dan akan dipopularkan agar aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia.